



Anwar menyampaikan syarahan di Perpustakaan Kebangsaan Qatar Universiti Hamad Bin Khalifa. (Foto BERNAMA)

# Malaysia tegas desak Israel henti serang Palestin

**Ikhtiar lebih tangkas akan terus digerakkan bantu mangsa perang di Gaza**

Daripada  
Adha Ghazali

di Doha



Malaysia teguh dengan pendirian mendesak Israel agar menghentikan serangan dan kekejaman ke atas rakyat Palestin, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, beliau memaklumkan perkara itu ketika bertemu delegasi Hamas yang diketuai pimpinan utamanya, Ismail Haniyeh dan bekas pengerusi Hamas, Khaled Mashal di sini, semalam.

Malaysia juga akan terus menggerakkan ikhtiar yang lebih tangkas bagi membantu mangsa peperangan di Gaza, khususnya dalam aspek bantuan kemanusiaan, perubatan dan pendidikan.

"Malaysia hargai kesediaan Hamas membebaskan tahanan khususnya kanak-kanak dan wanita serta menerima pelan damai dunia Arab, OIC (Pertubuhan Kerjasama Islam), dan masyarakat antarabangsa," katanya me-

nerusi hantaran di Facebook.

Anwar berkata, Malaysia turut mendesak Israel membebaskan semua tahanan rakyat Palestin dan bersetuju dengan pelan perdamaian.

Dalam pertemuan itu, Anwar turut menzahirkan ucapan takziah atas pemergian ahli keluarga Ismail yang terkorban dalam pengeboman kejam rejim Zionis.

Pertemuan tertutup empat mata antara dua pemimpin itu berlangsung di sebuah hotel di sini. Haniyeh tiba di lobi hotel terabit dengan dikawal ketat sekumpulan pengawal, sebelum diiring naik ke lokasi pertemuan yang berlangsung lebih sejam.

Ini pertemuan bersemuka pertama Anwar bersama Haniyeh sebagai Perdana Menteri Malaysia. Kali terakhir mereka berjumpa pada 2019 dan 2020, namun ketika itu atas kapasiti sebagai Ketua Pembangkang.

Bagaimanapun, kedua-dua pemimpin itu sering berhubung melalui panggilan telefon, malah Ismail turut menghubungi dan mengucapkan tahniah ketika Anwar dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia pada 2022.

Anwar turut menghubungi Haniyeh pada 11 April lalu bagi menzahirkan rasa simpati dengan serangan berlaku di Palestin yang turut mengorbankan tiga anak lelaki dan empat cucu pemimpin Hamas itu.

## **Cabaran hipokrasi kuasa besar**

Sementara itu, ketika menyampaikan syarahan umum di hadapan kira-kira 300 hadirin di Perpustakaan Kebangsaan Qatar di Universiti Hamad Bin Khalifa

di sini, Anwar menegaskan pemimpin dunia Islam perlu mengemblem kudrat berdepan cabaran dan kesengsaraan dalam era pasca normal terutama berkait isu Islamofobia, diskriminasi dan hipokrasi kuasa besar dunia.

Kegilaan dan hipokrasi jelas berlaku dalam isu membabitkan Ukraine sebagai contoh, berbanding apa yang dilakukan kuasa besar dunia terhadap Gaza dan Palestin.

"Ukraine menjadi pusat kepada kedudukan dasar asing untuk Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat (AS), namun begitu banyak toleransi dan penafian termasuk menerusi media arus perdana Barat (dalam konteks Palestin).

"Mereka mempersoal, di mana genosid, di mana ketidakadilan (dalam isu Palestin) dan 'mantera' mereka adalah 7 Oktober.

"Semua refleksi sebegini mengundang cabaran kepada dunia Islam, kepada saya dan anda semua sebagai profesor di universiti untuk menyahut cabaran yang cukup kompleks ini.

"Kita bukan mahu menentang sesiapa, tetapi untuk menyokong soal kemanusiaan," katanya dalam syarahan hampir 25 minit bertajuk *Future of The Muslim World* (Masa Depan Dunia Islam), termasuk menyentuh kekejaman serta ketidakadilan yang berlaku terhadap Palestin.

Turut hadir Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz; dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.